

07/08/2002

Usahawan diminta rebut peluang majukan diri

WANITA di negara ini amat bertuah kerana kerajaan menjadikan pembangunan mereka sebagai agenda penting dalam pembangunan negara, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz.

Beliau berkata, ini dapat dibuktikan menerusi bahagian khusus dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), yang berkaitan dengan 'Wanita dan Pembangunan'.

Keadaan itu, katanya, amat berbeza di sesetengah negara lain, yang mana wanita terabai dan tidak terbela serta ketinggalan dalam semua aspek kehidupan.

"Di Malaysia, perancangan tersusun diadakan khusus untuk wanita, termasuk pembangunan dalam aspek kesihatan, pendidikan, peluang pekerjaan dan juga keusahawanan.

"Malah, langkah kerajaan mewujudkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga membuktikan kesungguhan dan keikhlasan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk melihat wanita di negara ini terbela nasib dan terjaga haknya," katanya pada majlis perasmian Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002, di sini.

Konvensyen itu dianjurkan Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Persekutuan Pertubuhan Wanita Dalam Perniagaan Malaysia (Fem) serta Dewanita.

Mohamed Nazri berkata, kementerianya juga mengatur pelbagai strategi untuk mempertingkatkan kemajuan usahawan wanita, termasuk menyediakan peruntukan khas, selain bimbingan dan galakan berterusan.

Sehubungan itu, beliau menggesa usahawan wanita supaya merebut peluang yang ditawarkan bagi memajukan diri sendiri dalam bidang berkenaan.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Zakiah Hashim, berkata kurang latihan dan pendedahan kepada keusahawanan dan perniagaan; peluang pinjaman dan kemudahan kredit yang terhad serta konflik antara kerjaya dan tanggungjawab keluarga adalah antara faktor wanita kurang aktif dalam bidang berkenaan.

Selain itu, katanya, keadaan itu turut disumbangkan oleh sikap masyarakat yang masih meragui keupayaan wanita dalam perniagaan dan kurang pengetahuan mengenai peluang perniagaan serta skim galakan.

Bagaimanapun, beliau berkata, menerusi promosi dan galakan kerajaan, penyertaan wanita kini membanggakan dengan 18,799 usahawan wanita menerima pembiayaan skim Tabung Ekonomi Kumpulan Usahaniaga (Tekun) bernilai RM64.16 juta atau 42.77 peratus daripada peruntukan berjumlah RM150.01 juta pada 2001.